

# Transformasi minda dorong pelajar ceburi keusahawanan



**Pelajar UPM tidak melepaskan peluang menyertai Seminar Transformasi Minda Keusahawanan Siswa.**

**Serdang:** Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan Seminar Transformasi Minda Keusahawanan Siswa, baru-baru ini, bermatlamat mencetuskan minat mahasiswa untuk menceburi bidang keusahawanan.

Pengarah Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (CEM) universiti itu, Dr Mass Hareeza Ali @ Hamid, berkata penyertaan seminar itu memfokus kepada mahasiswa tahun pertama.

“Peserta didedahkan kepada pelbagai kemahiran dan maklumat mengenai bidang

keusahawanan supaya mereka boleh berjaya sekiranya bergiat dalam dunia perniagaan nanti.

## Nilai tambah

“Antara ciri penting diberi penekanan ialah ‘ABC’, iaitu ‘attitude’ (sikap), ‘behaviour’ (tingkah laku) dan ‘communication’ (komunikasi) yang perlu diterapkan dalam diri mahasiswa jika ingin bergelar usahawan,” katanya.

Sementara itu Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPM, Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran,

berkata pemupukan ciri keusahawanan amat penting bagi membantu meningkatkan kebolehan bakal graduan, sekali gus memenuhi kehendak majikan kelak.

“Memiliki ciri keusahawanan akan menjadi nilai tambah yang dapat membantu mereka mempromosikan diri dalam pasaran kerjaya. Mereka bukan sahaja akan mampu bersaing dalam menghadapi cabaran tuntutan tugas dan berfikir di luar kotak tetapi juga mengamalkan nilai positif ketika berurusan dengan orang ramai,” katanya.